

20/07/2005

Umno-AP (Pemuda)

ISU AP HANGATKAN PERHIMPUNAN AGUNG PEMUDA

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Air mata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz yang bercucuran semalam berhubung isu pemberian permit import (AP), tidak menyejukkan kehangatan kontroversi itu apabila ia mendominasi perbincangan pada perhimpunan agung Pemuda Umno di sini hari ini.

Beberapa wakil Pemuda ketika perbincangan mempertikaikan cara pemberian AP yang dikatakan menguntungkan segelintir orang dan mahu Rafidah memohon maaf kepada penasihat Proton Tun Dr Mahathir Mohamad atas caranya menjawab hujah bekas perdana menteri itu berhubung isu terbabit.

Isu itu tidak ditimbulkan pada perhimpunan Wanita dan Puteri Umno, yang juga berlangsung serentak, tetapi di lobi dewan beberapa orang pemimpin Puteri juga menasihatkan Rafidah supaya meminta maaf kepada Dr Mahathir.

Wakil Pemuda Umno Perak Ton Zailani Md Derus yang juga Ketua Pemuda Taiping ketika membahaskan usul ucapan dasar Ketua Pemuda, berkata Rafidah tidak perlu meletak jawatan berhubung isu itu.

"Kalau bersalah, mohon maaf dan jangan dibesar-besarkan isu ini," katanya.

"Kita harus bersama-sama menangani masalah ini. Pemuda ingin menyatakan kalau ada tersilap atau terlanjur, (Rafidah) mohon maaf, jangan cakap letak jawatan," katanya.

Wakil Pemuda Selangor Azli Saad berkata pemberian itu sepatutnya diagihkan kepada lebih ramai usahawan Bumiputera supaya pegangan individu dalam ekonomi semakin ramai.

"Bumiputera yang baru berjinak dalam perniagaan sepatutnya dibimbing supaya "membesar", sekiranya pegangan ekonomi individu Melayu meningkat, maka ekonomi bangsa Melayu akan meningkat," katanya.

Wakil Wilayah Persekutuan Syed Mehdar Syed Abdullah mencadangkan sistem tender untuk pemberian AP.

"Yang patut disalahkan dalam isu AP ialah orang yang memberi, kita kena lihat pada siapa AP ini diberi, adakah mereka betul-betul pejuang Umno dan berwibawa," katanya.

Sejumlah 791 anggota perwakilan Pemuda turut memberikan tepukan gemuruh kepada wakil Perlis Ismail Hashim apabila beliau secara spontan berkata: "Saya tidak mahu sebut satu perkataan tetapi tengok di Filipina apa yang sedang dihadapi Presiden Arroyo," merujuk kepada isu AP itu.

Beliau juga berkata MITI seharusnya membantu melahirkan golongan korporat daripada kalangan orang muda dan bukan hanya membantu beberapa orang sahaja.

Sementara itu, Rafidah ketika diminta mengulas permintaan beberapa pemimpin Pemuda dan Puteri supaya beliau meminta maaf kepada Dr Mahathir, berkata beliau menganggap kes itu sudah selesai.

"Saya dah kata kes itu tutup. Bahkan Presiden Umno sendiri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) kata perkara ini dah selesai, kita ikutlah nasihat Presiden, bukan saya yang cakap," katanya.

"Saya dah kata surat saya menjelaskan fakta-fakta saya. Dahlah tak payah ulang. Orang yang bercakap mungkin tak faham keadaan sebenar tiada apa yang timbul, Tun tidak menyakitkan hati saya, saya pun tak mengata apa (kepada) Tun," katanya.

Ketua Pemuda Umno Datuk Seri Hishammuddin Hussein ketika diminta mengulas pendapat wakil Pemuda berhubung isu AP, berkata pergerakan itu tidak membuat sebarang pendirian berhubung isu itu tetapi anggotanya bebas

memberi pendapat.

"Anda tidak boleh kata ia kenyataan daripada Pemuda. Mereka semua anggota dan diberi peluang untuk bercakap," katanya.

-- BERNAMA

MS SYZ ZS RAR LAT